



Siaran Akhbar Edaran Segera

PHB dan MAM Umumkan Agihan dan Bonus Akhir

Kuala Lumpur, 7 Oktober 2019 – Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) dan Maybank Asset Management Sdn. Bhd. (MAM) dengan sukacitanya mengumumkan agihan pendapatan kedua dan terakhir Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) sebanyak 2.60 sen seunit bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2019. Jumlah ini terdiri daripada agihan pendapatan sebanyak 2.30 sen seunit dan agihan bonus 0.30 sen seunit. Pendapatan bonus ini diagihkan untuk 500,000 unit pertama yang dipegang setiap pemegang unit.

Terdahulu pada April 2019, PHB dan MAM telah mengumumkan agihan pendapatan interim AHB sebanyak 2.75 sen seunit dengan agihan bonus 0.25 sen seunit bagi tempoh enam bulan berakhir pada 31 Mac 2019. Ini menjadikan jumlah agihan pendapatan kepada 5.60 sen seunit, atau jumlah agihan sebanyak RM200.9 juta bagi tempoh 12 bulan berakhir 30 September 2019.

“Agihan pendapatan akhir ini adalah sejajar dengan pasaran semasa kerana pada dasarnya AHB adalah sebuah produk simpanan. Malah, ia memberikan pulangan kompetitif jika dibandingkan dengan kebanyakan produk simpanan lain dan aset pendasarnya iaitu bangunan komersial utama menjana aliran pendapatan yang relatifnya stabil dan boleh diramalkan. Agihan pendapatan AHB juga dibayar bersih selepas potongan zakat. Semenjak 2011, AHB telah mengagihkan jumlah pendapatan kumulatif lebih kurang RM1.23 bilion kepada pemegang unitnya”, kata Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif PHB Dato’ Mahmud Fauzi Muda.

Beliau menambah, “PHB kini mempunyai lebih lapan juta kaki persegi bangunan komersial yang secara kolektifnya bernilai lebih daripada RM6 bilion. Melangkah ke hadapan, PHB akan meneruskan komitmen dalam

meningkatkan nilai kepada pemegang unit dan menjadikan AHB skim pilihan bagi para penyimpan, khususnya untuk mereka yang mempunyai toleransi risiko rendah yang ingin mendapatkan manfaat daripada pemilikan jangka panjang dalam hartanah komersial utama di negara ini”.

Agihan pendapatan akhir AHB adalah dikecualikan cukai dan telah dizakatkan, yang akan dikreditkan terus ke akaun bank pemegang unit pada 10 Oktober 2019. Bagi Skim Pelaburan Ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), ia akan dikreditkan ke dalam Akaun 1 KWSP.

AHB adalah sebuah dana unit amanah patuh Syariah yang disokong hartanah. Pelaburan permulaan minimumnya bagi pelabur individu adalah RM100. Dana ini direka untuk pelabur yang mencari platform untuk menjana pendapatan tetap dan potensi pulangan konsisten serupa dengan peluang simpanan.

PHB adalah penaja AHB sementara MAM merupakan Pengurus Dana.

–TAMAT–